



STREAMING  
**LIVE**

Untuk menonton  
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara bersempena bulan kemerdekaan secara langsung dalam segmen bicara pakar "Pengkisahan Sejarah Bersama Perajurit Negara" pada 3 September 2021. Program kali ini dikendalikan oleh Encik Mohd Nazrul Mohd Amin, Felo di Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam selaku moderator bersama Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam sebagai pembuka kata alu-aluan kepada dua mantan perajurit negara selaku panel jemputan iaitu YBhg. Tan Sri Musa Hassan, Mantan Ketua Polis Negara dan YBhg. Lt. Jen. (B) Dato' Seri Zaini Mohd Said, Mantan Panglima Tentera Darat Malaysia.

Program ini dimulakan dengan kata alu-aluan sebagai pembukaan daripada Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz dan seterusnya menceritakan serba sedikit latar belakang kedua-dua panel jemputan yang disampaikan oleh Encik Mohd Nazrul Mohd Amin. YBhg. Tan Sri Musa Hassan berkongsi keperibadiannya yang merupakan Mantan Ketua Polis Negara dan dilahirkan pada tahun 1951 iaitu sebelum merdeka. Beliau dilahirkan dari keluarga yang sangat mementingkan disiplin dan ilmu agama. Daripada didikan tersebut, beliau berjaya menjadi seorang anggota polis dan menjadi ketua polis negara pada tahun 2006 hingga 2010. Di samping itu, YBhg. Lt. Jen. (B) Dato' Seri Zaini Mohd Said juga berkongsi latar belakang beliau yang merupakan Mantan Panglima Tentera Darat Malaysia dan dilahirkan pada tahun 1946. Semasa beliau berumur 11 tahun, Tanah Melayu telah dijajahi oleh kuasa asing dan beliau berasa janggal dengan kedatangan penjajah walaupun pada ketika itu beliau baru berumur belasan tahun.

Kedua-dua panel jemputan juga berkongsi tentang kedaan semasa kedatangan penjajah yang mana pergerakan orang ramai sentiasa dikawal ketat. Dato' Seri Zaini mengatakan keadaan rumah dan sekolah juga kelihatan usang serta pekerjaan masyarakat pada ketika itu sebagai buruh kasar. Penjajah begitu tegar menguasai semua hak-hak masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu.

Sikap dan nilai generasi muda kini perlu dipupuk dengan baik dan mendalam terhadap sejarah perjuangan wira negara terdahulu. Menurut pandangan Tan Sri Musa, generasi kini perlu mengenali dan mempelajari sejarah Malaysia sebagai pengetahuan supaya generasi kini tidak mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir luar yang negatif. Generasi muda masa kini adalah bakal-bakal pemimpin negara demi masa depan yang cemerlang. Menurut pendapat Dato' Seri Zaini pula, generasi yang baik dan berpengetahuan mampu menepis segala ideologi negatif yang mana boleh mempengaruhi mereka jika tiada ilmu mengenai sejarah negara. Beliau juga berharap agar anak-anak muda masa kini minat untuk mengenali tokoh-tokoh perwira negara, mempelajari dalam bidang pentadbiran negara dan memahami perundangan negara dengan baik.

